

Pemuda UMNO kecewa sikap buruk pembangkang

7 NOV 1999
BANDAR TENGGABA 6 Nov. — Pergerakan Pemuda UMNO kecewa dengan sikap buruk pihak pembangkang yang menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai 'Mahafiraun'.

Pemangku ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, tuduhan itu merupakan strategi politik yang menyerang individu atau sistem satu sasaran.

"Semasa ayah saya (Alahyarham Tun Hussein Onn) menjadi Perdana Menteri dulu, mereka juga melabelkan ayah saya sebagai Firaun.

"Semasa ayah saya menjadi Perdana Menteri, mereka serang ayah saya. Kini giliran Dr. Mahathir pula dikatakan sebagai Firaun," katanya selepas menyertai program Berjalan Untuk Negara bersama kira-kira 5,000 penduduk tempatan di sini hari ini.

Kata Hishammuddin, amalan memaki dan mencarut yang menjadi budaya parti pembangkang juga cukup berbahaya sehingga telah mempengaruhi segelintir remaja.

"Perkara ini mesti ditangani segera. Kalau mahu bermain politik, pastikan berpolitik secara bijak, bukan dengan menonjolkan perkara buruk seperti mencarut dan memfitnah," ujarinya.

Kata beliau, Pemuda UMNO kecewa dengan tuduhan tidak bermoral itu dan berharap rakyat jangan terpengaruh dengan budaya negatif seperti itu.